

KONSEP *AL-TARGHĪB WA AL-TARHĪB*
DAN APLIKASINYA DALAM
BADAN DAKWAH DI MEDAN
SUMATERA UTARA INDONESIA

JAMIL IBA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2013

KONSEP *AL-TARGHĪB WA AL-TARHĪB*
DAN APLIKASINYA DALAM
BADAN DAKWAH DI MEDAN
SUMATERA UTARA INDONESIA

OLEH

JAMIL IBA

TESIS YANG DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2013

PENGHARGAAN

Bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan izinnya penyelidikan yang saya jalankan telah berjaya disiapkan dengan jayanya. Sebagai tanda penghargaan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Mohamad Khairul Anwar Bin Osman kerana telah memberi bimbingan, cadangan, nasihat dan teguran yang amat berguna sekali kepada bermula dari analisis permulaan tesis sehingga ke kawasan lapangan dalam mencari data dan peringkat penulisan hasil penyelidikan ini. Ribuan terima kasih juga di ucapkan kepada Bapak Rektor IAIN Sumatera Utara Medan kerana sanggup memberi peluang kepada saya untuk sambung belajar di Universiti Sains Malaysia.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih juga kepada ketua Badan-badan Dakwah di Medan Sumatera Utara, Indonesia kerana telah memberi kebenaran menggunakan data dalam penganalisan penyelidikan ini. Tidak di lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan dalam penyelidikan ini.

Selanjutnya, terima kasih juga diucapkan kepada seluruh anggota keluarga saya dan anak-anak (Drs. Rohani M. Juned, MM, isteri dan ananda drg. Eliza Fitriana, dr. Emilda Dewi, drg. Eddyana, drg. Elvida Santi dan Elfirda Ade Putri) yang telah memberikan bantuan dan dorongan untuk menyelesaikan pengajian ini.

TERIMA KASIH.

JADUAL KEPENDEKAN

c.	:	cetakan
Dr.	:	Doktor
ed.	:	editor
h.	:	halaman
H.	:	Hijrah
Ibid	:	Ibidem
j.	:	Juzuk
m	:	meninggal
M.	:	Masihi
M.A.	:	Master of Arts
No.	:	nombor
Op.cit.	:	opere citato
Prof.	:	Profesor
r.a.	:	Radiyallah ‘Anh
s.a.w.	:	Sallallah ‘Alayh Wa Sallam
S.W.T.	:	Subhanahu wa Ta‘ala
T.P	:	Tanpa Penerbit
t.t.	:	Tanpa tarikh
T.T.P	:	Tanpa Tempat Penerbitan
terj.	:	terjemahan

PANDUAN TRANSLITERASI*

Huruf Arab	Transkripsi	Huruf Arab	Transkripsi	
ء	:	,		
ا	:	a		
ب	:	b		
ت	:	t		
ث	:	th		
ج	:	j		
ح	:	h		
خ	:	kh		
د	:	d		
ذ	:	dh		
ر	:	r		
ز	:	z		
س	:	s		
ش	:	sh		
ص	:	s		
		ض	:	d
		ط	:	t
		ظ	:	z
		ع	:	'
		غ	:	gh
		ف	:	f
		ق	:	q
		ك	:	k
		ل	:	l
		م	:	m
		ن	:	n
		ه	:	h
		و	:	w
		ي	:	y
		ة	:	h

Vokal Panjang

آ	:	a
و	:	u
ى	:	i

* Akademi Pengajian Islam (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 30-38.

Contoh Penggunaan Panduan Transliterasi:

- Huruf “ا” (alif) jika digunakan sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai a. Contoh: الكتاب : al-kitab
- Huruf “و” (wâw) jika digunakan sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai u. Contoh: المسلمون : al-muslimun
- Huruf “ي” (yâ) jika digunakan sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai i. Contoh: المؤمنین : al-mu’minin
- Huruf “ال” (alif lâm) ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *lâm syamsiyyah* atau *qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan menggunakan tanda sempang.
Contoh: الشمس : al-shams
- Huruf “” (syaddah) di atas huruf ya (ي) yang terletak di belakang konsunan kasrah di akhir kata ditransliterasikan sebagai i.
Contoh: الإسلامي : al-Islami
- Huruf “” (syaddah) di atas huruf ya (ي) yang terletak di belakang konsunan kasrah di tengah kata merupakan gabungan vokal panjang dan konsonan, ditransliterasikan sebagai iyy.
Contoh: الاجتماعية : al-ijtimaiyyah
- Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan bahasa Malaysia.
Contoh: al-Qur’an, hadith, Muhammad, Abu Bakar, Umar, Usman, Ali, ibadah, solat, doa, bismillah, Alhamdulillah.
- Semua perkataan Arab/Inggeris (Bahasa asing) *diitalickan* kecuali nama khas.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
JADUAL KEPENDEKAN	vi
PANDUAN TRANSLITERASI	v
KANDUNGAN	vii
ABSTRAKSI	ix
Bab I. PENDAHULUAN	1
1.1. Latar Belakang Kajian	1
1.2. Persoalan Kajian	2
1.3. Objektif Kajian	3
1.4. Huraian Istilah	3
1.5. Kajian-Kajian Lepas	4
1.6. Skop dan Batasan Kajian	6
1.7. Metodologi Kajian	6
1.7.1. Kajian Perpustakaan	6
1.7.2. Temu Bual Berstruktur	7
1.7.2. Penganalisis data	9
1.7.3. Susunan Penulisan	10
1.8. Kepentingan Kajian	11
Bab II: KONSEP AL-TARGHĪB WA AL-TARHĪB DAN SEJARAHNYA	12
2.1. Definisi Konsep <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i>	10
2.1.1. Definisi menurut Bahasa dan Istilah	12
2.1.2. Perbezaan <i>al-Targhīb al-Tarhīb</i> dengan <i>al-Tabshir al-Indhar</i> dan Amar Makruf Nahi Mungkar	16
2.1.3. Hubungan <i>al-Targhīb wa al-Tarhīb</i> dengan <i>Maqasid Shariyah</i>	20
2.1.4. Hubungan <i>al-Targhīb wa al-Tarhīb</i> dengan Dakwah	23

2.2.	Ciri-ciri dan Kaedah <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i>	22
2.2.1.	Ciri-Ciri <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i>	24
2.2.2.	Kaedah Pelaksanaan <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> dalam Dakwah	26
2.2.3.	<i>Al-Targhīb wa al-Tarhīb</i> Di dalam Strategi Dakwah	28
2.3.	Sejarah <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i>	32
2.3.1.	Perkembangan <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> di Masa Rasul	32
2.3.2.	<i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> di Masa Khulafah ar-Rasyidin	41
2.3.3.	<i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> Pada Era Dua Daulah	47
2.3.4.	<i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> di Masa Dinasti Usmaniyah (Othoman)	50
2.3.5.	Perkembangan <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> Di Nusantara	52
2.3.6.	Perkembangan <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> di Malaysia	64
2.3.7.	<i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> di Berunai Darusalam	65
2.3.8.	<i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> di Filipina	66
2.3.9.	<i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> Masa Kini	66
Bab III.	BADAN DAKWAH ISLAMIAH DI MEDAN	70
3.1.	Latar Belakang Kota Medan	70
3.1.1.	Penduduk Kota Medan	70
3.1.2.	Rumah Ibadah	73
3.1.3.	Lembaga Pendidikan	74
3.2.	Permasalahan Dakwah Islam di Kota Medan	76
3.2.1.	Kurangnya Pengamalan Nilai-Nilai Ajaran Islam	76
3.2.2.	Kemiskinan dan Kebodohan	81
3.2.3.	Perbuatan Maksiat	83
3.2.4.	Pengaruh Aliran Sesat	88
3.3.	Enam Badan Dakwah di Kota Medan	92
3.3.1.	Badan Dakwah Muhammadiyah	92
3.3.2.	Badan Dakwah Nahdhatul Ulama (NU)	101
3.3.3.	Badan Dakwah Al-Washliyah	106
3.3.4.	Persatuan Tarbiyah Islamiah Medan	110
3.3.5.	Ikatan Pendakwah Wanita Indonesia	112
3.3.6.	Himpunan Mahasiswa Islam (HMI)	114

Bab IV. APLIKASI AL-TARGHĪB DAN AL-TARHĪB PADA BADAN DAKWAH

DI MEDAN	117
4.1. Badan Dakwah Muhammadiyah	117
4.1.1. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Akidah	117
4.1.2. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Pendidikan	123
4.1.3. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Ekonomi	124
4.1.4. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Sosial Kemasyarakatan	127
4.2. Badan Dakwah Nahdhatul Ulama (NU)	131
4.2.1. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Akidah	131
4.2.2. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Pendidikan	134
4.2.3. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Ekonomi	137
4.2.4. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Sosial Kemasyarakatan	138
4.3. Badan Dakwah Al-Washliyah	141
4.3.1. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Akidah	141
4.3.2. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Pendidikan	142
4.3.3. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Ekonomi	143
4.3.4. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Sosial Kemasyarakatan	144
4.4. Persatuan Tarbiyah Islamiah Medan	148
4.4.1. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Akidah	148
4.4.2. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Pendidikan	150
4.4.3. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Ekonomi	151
4.4.4. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Sosial Kemasyarakatan	152
4.5. Ikatan Pendakwah Wanita Indonesia	153
4.5.1. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Akidah	153
4.5.2. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Pendidikan	154
4.5.3. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Ekonomi	156
4.5.4. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Sosial Kemasyarakatan	157
4.6. Himpunan Mahasiswa Islam (HMI)	158
4.6.1. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Akidah	158

4.6.2. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Pendidikan	161
4.6.3. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Ekonomi	161
4.6.4. <i>al-Targhīb</i> dan <i>al-Tarhīb</i> pada bidang Sosial Kemasyarakatan	162
Bab V. ANALISIS APLIKASI <i>AL-TARGHĪB</i> DAN <i>AL-TARHĪB</i> PADA BADAN DAKWAH DI MEDAN	163
5.1. Analisis Aplikasi <i>al-Targhīb</i> pada Badan Dakwah di Medan	163
5.1.1. Persamaan Aktiviti dalam <i>al-Targhīb</i>	164
5.1.2. Perbezaan Aktiviti dalam <i>al-Targhīb</i>	174
5.1.3. Solusi Aktiviti dalam <i>al-Targhīb</i>	175
5.1.4. Cabaran-cabaran Aktiviti dalam <i>al-Targhīb</i>	178
5.1.5. Kesimpulan Aktiviti dalam <i>al-Targhīb</i>	178
5.2. Analisis Aplikasi <i>al-Tarhīb</i> pada Badan Dakwah di Medan	180
5.2.1. Persamaan Aktiviti dalam <i>al-Tarhīb</i>	182
5.2.2. Perbezaan Aktiviti dalam <i>al-Tarhīb</i>	187
5.2.3. Kesimpulan Aktiviti dalam <i>al-Tarhīb</i>	187
Bab VI. PENUTUP	190
6.1. Kesimpulan	190
6.2. Cadangan	193
BIBLIOGRAFI	195
LAMPIRAN	202
1. Daftar Temu Bual	202
2. Foto Pejabat Badan Dakwah di Medan	204
3. Surat Keterangan dari Badan Dakwah	210

ABSTRAK

Konsep *al-Targhīb Wa al-Tarhīb* Dan Aplikasinya Dalam Badan Dakwah Di Medan, Sumatera Utara Indonesia.

Kajian ini adalah berkenaan dengan Konsep *al-Targhīb wa al-Tarhīb*: Aplikasinya di Kalangan Badan Dakwah Di Medan Sumatera Utara Indonesia. Obkektif kajian ini menganalisa aplikasi konsep ini di kalangan badan dakwah di Medan. Kajian ini adalah kajian perpustakaan, manakala metod pengalisan data yang digunakan adalah analisis deskriptif. Kajian ini menemukan bahawa konsep *al-Targhīb wa al-Tarhīb* adalah konsep dakwah yang memberikan rangsangan agar mendorong ke arah ketaatan kepada Allah; dan ancaman supaya menghindar daripada berbuat kejahatan. Ciri-ciri daripada konsep ini adalah (1) memberikan rangsangan, dan (2) memberikan ancaman. (3) Isinya adalah berita-berita gembira dan ancaman. Konsep ini sama dengan konsep *al-tabshir* dan *al-indhar* atau konsep amar makruf nahi mungkar. Hanya sahaja *al-tabshir* dan *al-indhar* adalah perintah Allah kepada Nabi Muhammad dan Muslimin selepasnya untuk memberi khabar gembira ataupun ancaman, manakala *al-Targhīb wa al-Tarhīb* lebih berkesan pada isi pesan yang disampaikan itu berisikan tentang peringatan dan ancaman. Pesan itu banyak tertuang di dalam al-Qur'an dan Hadith. Atau amar makruf nahi mungkar itu perintah dan larangan, sedangkan pada *al-Targhīb wa al-Tarhīb* bersifat rangsangan dan ancaman. Nabi Muhammad selain berkata-kata untuk merangsang dan mendorong atau mengancam supaya menghindar, dia juga berbuat atas apa yang dikatakannya. (1) Dia menjadi teladan, (2) membimbing berterusan dan (3) memperteguh syiar Islam. Ke tiga-tiga ini adalah strategi *al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Dalam sorotan sejarah konsep ini tidak sahaja setakat pada dakwah *bi al-lisan* dan *bi al-kitabah*, namun sejak zaman Nabi Muhammad, *khulafa al-rashidin*, daulah Umawiyah dan Abasiyah, sampai pada masa kini, dakwah dengan konsep ini juga dilakukan dengan dakwah *bi al-hal*. Ditemukan *al-Targhīb wa al-Tarhīb* dalam membina kerajaan, berperang, memperluas daerah Islam. Kesimpulan dari kajian ini adalah bahawa ke enam-enam Badan Dakwah di Medan telah melakukan dakwah dengan konsep *al-Targhīb wa al-Tarhīb* dengan *al-lisan*, *al-kitabah* dan *al-hal*. Ke enam-enam Badan Dakwah ini telah melakukan konsep *al-Targhīb wa al-Tarhīb* dalam bidang Akidah, Pendidikan, Ekonomi dan Sosial Kemasyarakatan. Walau pun terdapat perbezaan akidah dan ibadah di antara keenam-enam Badan Dakwah ini, terutama antara Muhammadiyah dengan NU dan al-Washliyah, namun penulis melihat perbezaan itu setakat perbezaan di bidang furuk atau *khilafiyah furuiyah*. Cadangan dari kajian ini adalah ke enam-enam Badan Dakwah ini perlu disokong oleh siapa dan apa pun untuk lebih memajukan Islam ke hadapan, tanpa melihat perbezaan ranting atau furuk.

ABSTRACT

The Concept of *al-Targhīb Wa al-Tarhīb* and Its Application in Da'wah Organization in Medan, Sumatera Utara Indonesia.

This thesis concern the concept of *al-Targhīb wa al-Tarhīb* and its Application Among Da'wah Organization in Medan North of Sumatera Indonesia. It aims to analyze *al-Targhīb wa al-Tarhīb* and its application among Da'wah Organization in Medan. The study is purely a library research, which based on descriptive analysis. This study finds that the *al-Targhīb wa al-Tarhīb* is da'wah concept to motivate human being to worship Allah and to warn them of His punishment now and in hereafter. The criteria of this concept is (1) to give motivation, and (2) to give a clear warning about punishment. (3) The contains of this concept is spreading good news and warn the societies of evil deeds. Other terms such as *al-tabshir* and *al-indhar* or amar al-makruf wa nahyi mungkar has aquite similar meaning but with a slightly different as these terms is more likely to be linked to the method of implementation and its strategies. These messages could be found frequently in al-Qur'an and al-Hadith. The Prophet of Muhammad besides talking about encouragement or warning societies of evil adeeds, he also deliver his saying in action. (1) He became the role model, (2) he continuously underline and guide human being with clear Islamic guidance and (3) he make da'wah that based on *al-Targhīb wa al-Tarhīb* to strengthen Islamic religion. Therefore , this study concludes that *al-Targhīb wa al-Tarhīb* is a prime concept of dakwah which has been applied by the prophet and his successors from the Era of *khulafa al-rashidin*, Umawiyah and Abbasiyah dynasty. This study also concludes that the six Da'wah Organitation in Medan did da'wah with *al-Targhīb wa al-Tarhīb* concept by *al-lisan*, *al-kitabah* and *al-hal*. The six Da'wah Organization did da'wah with *al-Targhīb wa al-Tarhīb* concept in Aqidah, Education, Economic and Social Human being. Ether there is different in aqidah dan worship between the six Da'wah Organization, especially Muhammadiyah with NU and al-Washliyah, but the researcher sees that the different just in *furu'* or branch. The suggestion from this research is the six Da'wah Organization must be support each other's without seeing the the problematic of *furu'* issues.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Al-Targhīb wa al-Tarhīb adalah salah satu konsep umum yang melahirkan kaedah dan strategi yang fleksibel dan sesuai dengan setiap tempat dan masa yang boleh dimanfaatkan dan digunakan oleh para pendakwah untuk mencapai kejayaan di dalam usaha dakwah mereka. *Al-Targhīb* adalah memberitahu sesuatu yang menggembirakan mana kala *al-Tarhīb* adalah sebaliknya.¹

Mengikut perspektif Islam, dakwah adalah suatu usaha untuk mengajak manusia beriman dan mentauhidkan Allah berdasarkan kepada wahyu yang diturunkan kepada rasul-rasul-Nya. Usaha untuk menyeru manusia kepada risalah tauhid itu telah pun dilaksanakan dan dipikul oleh para nabi dan rasul, sekalipun berhadapan dengan berbagai masalah dan cabaran.

Firman Allah S.W.T

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۗ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ ۚ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٦﴾

Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut".

Surah al-Nahl [16]: 36

¹ Muhammad Idris al-Marbawi, *Qamus al-Marbawi*, Syirkah Maktabah al-Bab al-Halabi wa Auladuh, Egypt, Mesir 1937, h. 38

Di Medan terdapat Badan Dakwah Islam yang bergerak secara aktif di dalam masyarakat Islam. Setiap Badan Dakwah mempunyai cara tersendiri di dalam melaksanakan agenda kerja dakwah mereka. Melihat kepada pelbagai Badan Dakwah yang ada ini, penulis merasakan perlu untuk membuat penyelidikan untuk melihat sejauh mana kaedah *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* diaplikasikan oleh badan-Badan Dakwah ini, kerana kaedah tersebut adalah satu kaedah yang begitu fleksibel yang mengabungkan berbagai kaedah dan strategi dakwah seperti penggunaan kaedah amar makruf nahi mungkar, *mauidzah hasanah*, hikmat dan sebagainya agar proses suatu dakwah itu lebih berkesan di dalam membawa perubahan kepada masyarakat.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Sesuai dengan latar belakang penelitian ini, maka penulis mencuba untuk mengkaji sejauh mana konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* diaplikasikan di kalangan Badan Dakwah di Medan. Untuk mendapatkan jawapan yang tepat daripada permasalahan pokok tersebut, maka ia perlu diperluaskan dalam bentuk persoalan kajian sebagai berikut:

1. Apakah definisi dan konsep daripada *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*? Bagaimana sejarah perkembangannya dalam dunia Islam?
2. Apakah konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* dapat diaplikasikan pada Badan Dakwah di Medan Sumatera Utara Indonesia? Bagaimana cara mengaplikasikannya?
3. Analisis apa yang didapatkan dari aplikasi Badan Dakwah Medan Sumatera Utara? Apa sumbangan yang dapat dipetik dari aplikasi tersebut bagi dunia?

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan persoalan-persoalan tersebut, maka objektif khas tesis ini adalah:

1. Mengkaji konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* serta sejarah perkembangannya.
2. Mengkaji aplikasi *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* pada Badan Dakwah di Medan Sumatera Utara Indonesia.
3. Menganalisis apa yang didapatkan dari aplikasi Badan Dakwah Medan Sumatera Utara, dan mencari sumbangan yang dapat dipetik dari aplikasi tersebut bagi dunia.

1.4. HURAIAN ISTILAH

Konsep yang dimaksudkan dalam penelitian ini bertolak daripada salah satu pengertian konsep iaitu pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan dan idea. Konsep demokrasi tidak bererti kebebasan yang tidak terbatas. Atau ertinya rancangan. Seperti rencana, surat, surat dan lain-lain, atau draf surat dan lain-lain. Konsep yang dipakai dalam tulisan ini mengacu pada rumusan pertama, iaitu pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan dan idea.²

Al-Targhīb adalah memberi tahu sesuatu yang mengembirakan di masa akan datang, tapi masa tersebut belum tiba lagi, manakala *al-Tarhīb* adalah memberi tahu suatu yang membahayakan akan datang, tapi masa tersebut belum tiba lagi.

Badan Dakwah Islam adalah kegiatan dakwah yang memiliki pengurus yang berajah dan kegiatan yang dicadangkan dan dikerjakan.

² Hj. Noresah bt. Baharom (2006), *Kamus Bahasa Melayu*, e. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 816.

1.5. KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Di antara penulisan yang pernah menyentuh berkaitan masalah ini di antaranya ialah buku terdapat banyak penulisan terdahulu sama ada dalam bentuk buku-buku tentang dakwah Islamiah, disertasi, tesis dan jurnal-jurnal serta seminar-seminar yang membentang tentang metode dakwah Islamiah, seperti tesis di peringkat sarjana dan Ph.D, yang ditulis oleh Mohd. Sofyan, MA diserahkan kepada Post Graduate Insitut Agama Islam Negeri Medan, tahun 2003. Kajian tersebut difokuskan pada beberapa metode dakwah yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. masa lalu, termasuk metode *al-hikmah*.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Hasan Sadali, MA. yang bertajuk Epistemologi Ilmu Dakwah yang diserahkan kepada Post Graduate IAIN Medan' tahun 2002, membincangkan tentang beberapa metode pelaksanaan dakwah dalam masyarakat seperti metode *bi makarimi al-akhlaq* (budi pekerti mulia), metode *a'la basirah* (ketajaman mata hati) metode *bil hikmah*. metode *mauidzah hasanah* (pendidikan yang baik) dan metode *wa jadil hum bi al-lati hiya ahsan* (dialog dengan cara yang lebih baik).³

Dalam kajian yang dibentangkan oleh Zakaria Stapa Profesor Tasawuf dan Pemikiran Islam, Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (2002) yang diserahkan kepada Forum Seminar antar bangsa Pengajian Dakwah Malaysia Indonesia di Medan, mengkaji tentang Cabaran Era Globalisasi dan Proses penyediaan diri serta keterampilan para pendakwah, membincangkan pengaruh dari alat-alat media dan komunikasi moden dalam menghadapi umat Islam seperti televisyen, majalah, buku-buku, radio dan internet dalam keluarga Muslim yang menyiarkan budaya barat dan Eropah yang bertentangan dengan ajaran Islam⁴

³ Kertas kerja, Seminar Antar Bangsa Pengajian Dakwah Malaysia Indonesia, UKM Malayisa & Universiti Muhammadiyah Medan, 18 Mei 2002.

⁴ *Ibid*, Zakaria Stapa (UKM), 2002

Kajian yang dilakukan oleh Othman bin Haji Taleb, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepemimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (2002) yang dibentangkan pada Seminar antar bangsa Pengajian dakwah Malaysia Indonesia yang bertajuk “*Cabaran yang Dihadapi Pendakwah dalam Masyarakat Islam*” membincangkan tentang beberapa metode dakwah yang harus dipakai oleh para pendakwah dalam menyampaikan ajaran Islam dan bagaimana cara menyelesaikan masalah umat di masa kini. Metode tersebut sebagaimana dikemukakan oleh Dr. Yusuf al-Qardawi dalam bukunya *Thaqafat al-Daiyah*, di mana setiap pendakwah harus memahami ilmu akidah dan ilmu-ilmu sosial lainnya.⁵

Syed Qutb menyatakan di antara metode dakwah yang sangat penting adalah metode al-hikmah. Sebagaimana dijelaskan dalam al-Qur’an. Pada saat sekarang metode dakwah sudah banyak variasi digunakan oleh pendakwah sesuai dengan keadaan masa dan zamannya. Al-Munzhiri, dalam bukunya “*al-Targhīb wa al-Tarhīb min al-Hadith al-Sharif*” menyatakan: tugas para pendakwah adalah membimbing manusia ke jalan yang benar dan diredai Allah S.W.T. mereka dibekali dengan *uslub* dakwah *al-Targhīb wa al-Tarhīb*, iaitu menggalakkan manusia supaya taat beribadat kepada Allah akan mendapat balasan ganjaran pahala dan syurga yang penuh kenikmatan di akhirat kelak. Ia adalah suatu bentuk galakan, rangsangan dan motivasi kepada umat manusia agar senantiasa mempertingkatkan ketakwaan dan ibadat kepada Allah.

Manakala *uslub al-Tarhīb*, memberitahukan kepada manusia bahawa mereka yang kufur dan melakukan maksiat akan mendapat dosa dan seksaan mereka kelak. Ia adalah suatu bentuk peringatan dan ancaman kepada manusia supaya mereka senantiasa menghindari diri daripada sembarang bentuk kejahatan dan kemaksiatan sama ada zahir

⁵ *Ibid*, Othman bin Taleb (UKM), 2002

ataupun batin. *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* ini dapat diketahui dari dua sumber utama dalam Islam iaitu dalam al-Qur'an dan Hadith.

1.6. SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya membatasi dakwah pada badan-badan resmi, ia bukan dakwah individu perorangan yang tidak disiplin dan terprogram. Ia juga bukan Badan Dakwah yang berskala kecil di kelurahan dan kecamatan. Untuk membatasi kajian maka skopnya hanya Badan Dakwah di kota Medan sahaja dan hanya di ambil enam dari Badan Dakwah yang banyak dan beragam.

1.7. METODOLOGI KAJIAN

1.7.1. Kajian Perpustakaan

Penyelidikan dalam kajian ini bersifat kualitatif. Ini dipilih, kerana kajian ini dijalankan secara alami dan tidak melibatkan pengukuran atau teknik statistik seperti mana prosedur penyelidikan kuantitatif. Dalam hal ini penulis akan melihat, memerhati dan mentafsirkannya secara benar dan tidak membuat manipulasi. Oleh itu, penyelidikan ini penulis jalankan dengan deskriptif kualitatif.⁶

Pendekatan deskriptif kualitatif, digunakan bagi penyelidik berkenan mengenai hal ehwal Pelaksanaan dakwah oleh Badan-badan Dakwah di Medan. Secara teori, pendekatan ini merupakan suatu usaha untuk memahami ragam peristiwa pada Badan Dakwah dengan melihatnya sebagai sebuah usaha untuk menerapkan konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*.

Untuk memperoleh hasil yang bersesuaian dengan objektif kajian ini, maka penyelidikan ini dijalankan mengikut kaedah penyelidikan yang semestinya. Penulis

⁶ Lihat Suharsimi Arikunto, *Manajemen Penelitian*, Rieneka Cipta, Yojjakarta, 1990, h. 309, 332 dan 350.

berusaha untuk mendapatkan data-data yang diperlukan melalui beberapa kajian perpustakaan daripada pelbagai perpustakaan. Penulis juga menghimpun data-data melalui kajian lapangan, sama ada memperhatikan langsung ataupun melalui temu bual berajah.

Sumber data yang digunakan penulis dalam penyelidikan ini ialah al-Qur'an dan Hadith serta beberapa kitab ataupun buku-buku yang mempunyai hubungan kait dengan ini. Adapun sumber utama dan utama adalah buku hadith *al-Targhīb wa al-Tarhīb* karya al-Munzhiri. Ringkasnya, penulis menggunakan dua cara untuk mengumpulkan data-data yang diperlukan dalam penyelidikan ini, iaitu melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

1.7.2. Temu Bual Berstruktur

Dengan (sama ada) dengan tokoh BD Medan yang bermaksud tujuan untuk menghimpun data dan aktiviti yang berteraskan at-Targhib wa at-Tarhib dan aplikasinya. Temu bual mana diupayakan di pejabat atau di lapangan. Setiap BD diambil sebagai sample/untuk temu bual sepuluh orang. Mereka terdiri dari BD iaitu.

1. Dari Badan Dakwah Muhammadiyah: Supardi di pejabat Muhammadiyah yang menyatakan bahwa aktiviti dakwah masih menggunakan metode lama (bil hal) manakala metode *at-Targhib wa at-Tarhib* belum berjaya.⁷
2. Temu bual dengan tokoh daripada Nahdatul Ulama juga mengatakan bahwa aplikasi ulama juga mengatakan bahwa aplikasi metode at-Targhib wa at-Tarhib digunakan dalam bentuk pembangunan rumah ibadah manakala orang miskin, anak-anak yatim.⁸

⁷ Hasil temu bual dengan tokoh Muhammadiyah, Supardi di pejabat Tarikh 21 Ogos 2007

⁸ Hasil temu bual dengan tokoh NU di pejabat, tarikh 14 November 2008

3. Temu bual dengan tokoh dari pada BD Al-Washliyah, menyatakan bahwa aplikasi metode at-Tarhib wa at-Tarhib masih ada hubung kait dengan metode dakwah bil hal dan ia menyatakan hadis Nabi tentang dakwah Islamiyah.⁹
4. Temu bual dengan tokoh BD Tarbiyah, menyatakan bahwa aplikasi at-Tarhib wa at-Tarhib sama ada dengan metode dakwah bil hal, yang berjaya membangun badan pendidikan masyarakat dan rumah anak yatim.¹⁰
5. Temu bual dengan tokoh Badan Dakwah HMI menyatakan bahwa badan dakwah ini melaksanakan aktiviti dakwah ke kampong-kampung memberi motivasi dan amaran-amaran kepada masyarakat, manakala aplikasi at-Tarhib wa at-Tarhib belum berjaya.¹¹
6. Temu bual dengan tokoh BD Wanita (Ikatan Pendakwah Wanita), menyatakan bahwa aplikasi at-Tarhib wa at-Tarhib hanya sahaja pada bidang memberi rangsangan dan amaran tentang kewajipan kaum perempuan dalam mendidik anak dan putera-puteri menjaganya hingga dewasa.¹²

Pelaksanaan temu bual ini dilakukan terkadang di pejabat dengan alamat berikut di bawah ini ataupun di luar pejabat, sesuai dengan kesepakatan dengan pihak yang dilaksanakan tgemu bual. Adapaun alamat pejabat masing-masing Badan Dakwah adalah:

1. Muhammadiyah, jln Mandala By Pass no 21 Medan Indonesia
2. NU, jln. Sei Batanghari, no 35 Medan Indonesia
3. al-Washliyah, jln SM Raja, no 221 Medan Indonesia
4. Tarbiyah Islamiyah, jln Taut Medan Perjuangan, no 41 Medan Indonesia
5. HMI, jln Sutomo, Serdang, no 26 Medan Indonesia
6. IWADENI, jln. Serdang, no 421 Medan Indonesia

⁹ Temu bual dengan tokoh BD Al-Washliyah 20 September 2008

¹⁰ Temu bual dengan tokoh BD Tarbiyah, Hasan Mansur, tarikh 17 Juli 2009

¹¹ Temu bual dengan tokoh BD HMI tarikh 6 Mei 2009

¹² Temu bual dengan tokoh BD Wanita, Nurlela Nasution, tarikh 18 Ogos 2009

1.7.3. Penganalisis Data

Kesemua data-data yang diperoleh bagi melengkapi penyelidikan ini dianalisis mengikuti teknik seperti berikut ini:

Pertama, data-data yang berhubung kait dengan enam Badan Dakwah di Medan Sumatera Utara, penulis menggunakan teknik analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah ini berfungsi untuk menjelaskan dan memaknakan ciri-ciri pesanan yang terakam atau yang dilihat nyata.¹³ Contohnya, penulis menghimpun, merangkum dan menjelaskan pelbagai data yang berhubungan dengan pelaksanaan Dakwah dengan metode *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* oleh Badan Dakwah Medan.

Kedua, penulis menerapkan teknik induktif.¹⁴ Induktif iaitu satu kaedah analisis yang membuat pembuktian ataupun kesimpulan daripada persoalan yang bersifat khas kepada persoalan yang bersifat am. Contohnya, penulis mengumpulkan pelbagai teori mengenai dakwah dan melihat cara-cara Badan Dakwah melaksanakan aktiviti dalam masyarakat. Seterusnya menyimpulkan bahawa konsep itu ada dijalankan atau tidak.

Ketiga, penulis menggunakan teknik deduktif.¹⁵ Deduktif iaitu satu kaedah analisis yang membuat pembuktian ataupun kesimpulan daripada persoalan yang bersifat am kepada persoalan yang bersifat khas. Contohnya, penulis menjelaskan secara umum mengenai pengertian dan konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*, seterusnya dihuraikan dalam bentuk aplikasi secara khas dan terperinci pada enam Badan Dakwah kota Medan. Pada akhirnya membuat kesimpulan tentang pelbagai aktiviti dakwah yang dijalankan oleh Badan Dakwah tersebut.

¹³ Syukriadi Sambas dan Asep Saeful Muhadi, *Metode Analisis Teksual, Isi, Percakapan dan Unobrutisif*, KP-HADID, Jakarta, 1999, h. 1 Lihat juga Klaus Krippendorff, *Content Analysis: Introduction to its Theory and Methodology*, Terj. Farid Wajdi, Analisa Isi, Pengantar Teori dan Metodologi, Rajawali Press, Jakarta, 1991, h. 16

¹⁴ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah Teori dan Praktis*, UPM, Serdang, Malaysia, h. 5-6

¹⁵ *Ibid.*

Ketiga-tiga teknik ini digunakan agar seluruh data yang ada dapat dihimpunkan dan dikelompokkan serta dianalisis mengikut kepentingan kajian bagi mendapatkan hasil maksimum dan dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah.

1.7.4. Susunan Penulisan

Keseluruhan kajian ini akan dituliskan dalam enam bab. Dimulai daripada bab *pertama*, pendahuluan yang menjadi pengenalan awal kepada aspek-aspek penting yang menyangkut keseluruhan kandungan tesis ini. Ia menghuraikan teori dan kerangka penulisan.

Bab *kedua* menghuraikan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*, daripada definisi, konsep, serta sorotan sejarah.

Bab *ketiga* membentangkan tentang Badan Dakwah Islamiah di Medan. Dimulakan dari Latar belakang kota Medan dan masalah dakwah yang dihadapi di dalamnya. Dilanjutkan dengan selang pandang tentang enam Badan Dakwah di kota Medan.

Bab *keempat* akan dibentangkan aplikasi *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* pada bidang Akidah, pendidikan, ekonomi dan sosial masyarakat. Dalam bab ini akan dikaji aplikasi *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* yang dilakukan oleh keenam enam Badan Dakwah di Kota Medan.

Bab *lima* kajian akan difokuskan pada analisis dari aplikasi yang dilakukan, sama ada analisis berkait rapat dengan *al-Targhīb* atau pun dengan *al-Tarhīb*. Terakhir bab *keenam* yang juga merupakan penutup, mengandungi rangkuman kesimpulan dan cadangan daripada pembahasan yang dikaji.

1.8. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian yang cukup penting, paling tidak kerana dua kepentingan yang bermakna dalam perkara-perkara berikut:

1. Islam berkembang dan dikembangkan melalui dakwah. Untuk mengembangkan dakwah Islam, pelaku dakwah terikat dengan etika dan konsep dakwah yang telah ditetapkan Allah dan telah diamalkan oleh Rasulullah, di antara konsep itu adalah *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*.
2. Keperluan masyarakat Malaysia dan Indonesia yang mengenal pasti konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* hingga dapat diaplikasikan dalam Badan Dakwah atau pun individu.

BAB DUA

KONSEP *AL-TARGHĪB* WA *AL-TARHĪB* DAN SEJARAHNYA

Dalam bab dua ini, penulis akan membahaskan tentang definisi konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* dilanjutkan dengan Konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* dan disusuli dengan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* dalam sorotan sejarah. Definisi dan konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* menjadi penting untuk dikaji kerana dengan mengetahui definisi dan konsep ini, kajian ini menjadi terarah dan terfokus.

Konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* menjadi lebih jelas dan mudah difahami saat ia disandingkan dengan *al-tabshir* dan *al-indzar* atau dengan amar makruf nahi mungkar. Penulis perlu menjelaskan perbezaan daripada ketiga-tiga definisi ini, agar Konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* menjadi satu konsep yang dapat jelas difahami dan dimengerti.

Untuk sorotan sejarah penulis memulai kajian ini dari *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* pada masa Nabi Muhammad, dilanjutkan dengan sahabat, diteruskan dengan umat Islam di dunia, hingga masa kini. Mengetahui sejarah *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* yang dilakukan Nabi Muhammad, sahabat dan umat Islam dunia, menimbulkan pelajaran penting untuk dijadikan panduan melihat aplikasi Badan Dakwah di Medan, sebagai tujuan dari kajian tesis ini.

2.1. DEFINISI KONSEP *AL-TARGHĪB* DAN *AL-TARHĪB*

2.1.1. Definisi Menurut Bahasa dan Istilah

Dari sudut bahasa, *al-Targhīb* berasal daripada bahasa Arab iaitu kata nama yang diambil daripada kata kerja. Menurut Kamus al-Munjid ianya mempunyai erti

menghendaki, mencintai, menyukai, gemar dan memberangsangkan.¹ Manakala *al-Tarhīb* diambil daripada kata kerja bererti menakutkan. menurut al-Kamus al-Muhit *al-Tarhīb* berasal dari kata kerja bererti suka atau gemar. Sedangkan *al-Tarhīb* berasal dari kata bererti takut.²

Al-Bustani menyatakan bahawa *al-Tarhīb* adalah suatu bentuk peringatan dan ancaman kepada manusia supaya mereka menghindari daripada sebarang kejahatan. Manakala menurut Kamus Al-Marbawi *al-Tarhīb* berasal daripada kata kerja bererti suka, gemar ia padanya. Manakala *al-Tarhīb* berasal daripada kata *rahība* ertinya takut, ngeri ia.³

Menurut istilah, al-Mundhiri mendefinisikan *al-Tarhīb* adalah suatu bentuk galakan, rangsangan dan motivasi kepada umat manusia sejagat, agar mereka senantiasa mempertingkatkan ketakwaan dan ibadah mereka kepada Allah S.W.T. *al-Tarhīb* juga boleh dimaksudkan sebagai janji-janji baik dan ganjaran pahala kepada orang-orang soleh. Ia boleh didapati di dalam dua sumber utama di dalam Islam iaitu al-Qur'an dan Hadith. Antara contoh-contoh *al-Tarhīb* adalah seperti galakan supaya senantiasa ikhlas di dalam amalan, benar di dalam perbuatan dan lain-lain lagi.⁴

Menurut Mohd. E. Hasim *al-Tarhīb* dimaksudkan menyemarakkan, menarik perhatian dan mendorong ke arah ketaatan kepada Allah S.W.T.⁵ Manakala Ibnu Manzur berpendapat bahawa *al-Tarhīb* iaitu merupakan rangsangan dan janji baik kepada Allah

¹ Ma'luf Lois, *al-Munjid Fi al-Lughah wa al-Alam*, Dar Masyriq, Beyrut, 1988. h. 268.

² Majd al-Din Muhammad bin Ya'cub al-Fairuz al-Zabdi, *Al-Qamus al-Muhit*, Beyrut, Libanon, 1389 H. h. 171.

³ al-Marbawi, *op.cit*, h. 38

⁴ Imam al-Hafiz Zaki al-Din Abdul Azim Ibnu Abd al-Qawy al-Mundhiri, *al-Tarhīb dan al-Tarhīb Min Ahadith al-Sharif*, Dar al-Fikr Beyrut, tt.

⁵ Moh. E. Hasim, *Kamus Istilah Islam*, Pustaka Bandung, 1987, h. 156.

kepada manusia.⁶ Hafiz Ansari menyatakan *al-Targhīb* memberi rangsangan, galakan bahawa mereka akan menerima balasan baik di akhirat dengan memperoleh syurga.⁷

Ali Mansur menyatakan perkataan di dalam al-Qur'an memberi pengertian sama dengan *al-Targhīb*, ertinya rangsangan, dan galakan. Sedangkan *al-Tarhīb* menurut al-Mundhiri adalah bentuk ancaman dan peringatan kepada manusia supaya mereka menghindari diri dari berbuat kejahatan dan kemaksiatan sama ada zahir dan batin. Manakala Mohd. E. Hasim yang dimaksudkan dengan *al-Targhīb* adalah hadith Rasul berupa ancaman kepada orang-orang yang ingkar terhadap hukum Allah.

Ibnu Manzur menyatakan *al-Targhīb* iaitu ancaman dan peringatan daripada Allah kepada manusia dalam bentuk dosa-dosa dan balasan azab supaya tidak melakukan sebarang kejahatan dan selanjutnya berusaha untuk mematuhi segala perintah-Nya.⁸

وَأَنْذِرْهُمْ يَوْمَ الْأَزْفَةِ إِذِ الْقُلُوبُ لَدَى الْحَنَاجِرِ كَظْمِينٌ ...

Ertinya: Dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada mereka tentang (hari kiamat) yang dekat (masa datangnya), iaitu ketika hati seseorang merasa resah gelisah, kerana cemas takut, sambil masing-masing menahan perasaannya itu..

Surah al-Mu'min [40]: 18

Di dalam al-Qur'an perkataan *al-Targhīb* terdapat sebanyak lapan kali.⁹ Iaitu dalam Surah al-Nisa' [4]: 127, al-Baqarah [2]: 130, al-Tawbah [9] 59 dan 120, al-Sharah [94]: 8, al-Anbiya' [21]: 90, Maryam [19]: 46, al-Qalam [68]: 32. Perkataan *al-Tarhīb* terdapat sebanyak tiga belas ayat.¹⁰ Al-A'raf [7]: 116, 154, al-Baqarah [2]: 40, al-Nahl

⁶ Abu al-Fadl, Jamal al-Din Muhammad al-Mukarram Ibnu Manzur, *Lisan al-Arab*, Dar Beyrut, 1988, j. 5, h. 201.

⁷ Hafiz. AZ al-Ansari. *Rangsangan dan Ancaman*, Terjemahan dan al-Targhīb dan al-Tarhīb, oleh Syeikh Husin Umar, PT Al-Ikhlas Jakarta 1965, h. 19.

⁸ Ibn Manzur, *op.cit*, h. 413

⁹ E. Hasim, *op.cit*, h. 192.

¹⁰ Muhammad Fuad Abd al-Baqi, *Mu'jam al-Mufahrath li Alfaz al-Qur'an al-Karim*, Maktabah Dahlan, Jakarta, t.t. h. 409

[16]: 51, al-Anfal [8]: 60, al-Qasas [28]: 32, al-Hashar [59]: 13, al-Anbiya' [21]: 90, al-Tawbah [9]: 31, 34, al-Maidah [5]: 82, al-Hadid [57]: 27.

Di dalam surah al-Anbiya' [21]: 90 ditemukan perkataan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* dalam satu ayat. Daripada sini kemudian konsep ini diperkenalkan. Ayat tersebut bertuliskan:

فَأَسْتَجِبْنَا لَهُ وَوَهَبْنَا لَهُ يَحْيَىٰ وَأَصْلَحْنَا لَهُ زَوْجَهُ إِنَّهُمْ كَانُوا يُسْرِعُونَ فِي
الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۗ وَكَانُوا لَنَا خَشِيعِينَ ﴿٩٠﴾

Maka Kami perkenankan doanya, dan Kami kurniakan kepadanya (anaknya) Yahya, dan Kami perelokkan keadaan isterinya yang mandul, (untuk melahirkan anak) baginya. (Kami limpahkan berbagai ihsan kepada Rasul-rasul itu ialah kerana) sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada kami dengan penuh harapan serta gerun takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada Kami. Ali

Mansur menyatakan bahawa *al-Tarhīb* adalah sama ertinya dengan *indhar* dalam al-Surah al-Anbiya' [21]: 90

Qur'an, iaitu berita-berita yang menakutkan dan berita peringatan:

Dalam ayat ini perkataan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* diertikan dengan harapan serta gerun takut. Walau pun ayat ini memberikan penjelasan tentang doa Nabi Zakaria yang penuh harapan dan gerun takut, tapi kemudian perkataan ini digunakan sebagai satu konsep dakwah berdasarkan perkataan *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* itu semula.

Daripada penjelasan di atas ditambah dengan pemahaman pada ayat suci surah al-Anbiya' [21]: 90, maka dapat difahami bahawa konsep *al-Targhīb wa al-Tarhīb* ini adalah suatu konsep yang berpandukan kepada al-Qur'an dan hadith. Konsep *al-Targhīb wa al-Tarhīb* adalah konsep dakwah yang memberikan rangsangan agar mendorong ke arah ketaatan kepada Allah; dan ancaman supaya menghindar daripada berbuat kejahatan. Manusia hanya memberi peringatan atau *indhar*, dan menyampaikan berita gembira atau *tabshir*, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah dan Rasul-Nya.

2.1.2 Perbezaan *al-Targhīb al-Tarhīb* dengan *al-Tabshir*, *Al-Indhar* dan Amar Makruf Nahi Mungkar

Orang yang menyampaikan panduan kebaikan dan menyeru kepadanya disebut juga di dalam al-Qur'an sebagai *al-mubashshirin*. Manakala yang menyampaikan amaran Allah dan rasul-Nya dan akibat daripada matlamat dan melanggar perintah-Nya dikenali sebagai *al-mundhirin*. Kedua-dua tugas ini adalah peranan para rasul dan nabi yang diutus Allah sebagaimana ayat menyebutkan:

رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا

حَكِيمًا

Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutus Rasul-rasul itu. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Nisa' [4]: 156

Dalam Surah al-Saba' Allah S.W.T. berfirman

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).

Surah al-Saba' [38]: 28

Syed Qutb menyatakan Muhammad sebagai *mubashshir* (pembawa berita pahala kepada mereka yang beramal, iaitu rahmat dan ampunan, keutamaan dan kemuliaan, dan selanjutnya Muhammad sebagai *Nadhir* (pembawa berita seksa) kepada orang-orang yang alpa atau tidak mengerjakan suruhan Allah, dan orang-orang yang bersalah iaitu diberikan azab sengsara.¹¹

¹¹ Sayed al-Qutub, *Tafsir Fi Dhilali Qur'an*, Terjemahan. M. Adai Rotamy, Jakarta 1998, h. 145-147.

Selanjutnya A. Hasjmi menyatakan Nabi Muhammad sebagai pelaksana pertama dan utama dari dakwah Islamiah digelar dengan *mubashshir*, *nadhīr* dan pendakwah (pembawa berita pahala, pembawa berita seksa dan penyeru) dan dia juga dinyatakan sebagai sirajam munira (lentera yang memberikan cahaya).¹²

Walaupun terdapat persamaan antara *al-Targhīb wa al-Tarhīb* dengan *al-tabshir* dan *al-indhar*. Namun berdasarkan pada penggunaannya *al-tabshir* dan *al-indhar* adalah bahasa yang sering digunakan oleh al-Qur'an, manakala *al-Targhīb wa al-Tarhīb* bahasa yang digunakan oleh hadith. Ertinya, *al-tabshir* dan *al-indhar* adalah perintah Allah kepada Nabi Muhammad dan Muslimin selepasnya untuk memberi khabar gembira ataupun ancaman. Untuk itu selain dalam bentuk *fi'il madi*, *mudari* dan *ism*, ia juga dapat ditemukan dalam *fi'il amr* (kata perintah). Contohnya, perkataan *bashshir* (berilah khabar gembira) di dalam al-Qur'an ditemukan sebanyak tiga belas kali, dan perkataan *bashshirhu* (berilah khabar gembira kepadanya) sebanyak tiga kali.¹³ Perkataan *andhir* di dalam al-Qur'an sebanyak enam kali.¹⁴ Manakala *al-Targhīb wa al-Tarhīb* lebih berkesan pada isi pesan yang disampaikan itu berisikan tentang peringatan dan ancaman. Pesan itu banyak tertuang di dalam al-Qur'an dan Hadith.

Hubungan amar makruf nahi mungkar dengan *al-Targhīb wa al-Tarhīb* adalah berkenaan dengan penyampaian berita gembira atau *al-Targhīb* untuk memberangsangkan umat supaya istidamah pada akidah Islamiah melaksanakan ibadat kepada Allah dan berbuat kebajikan untuk kepentingan peribadi dan umat. Manakala *al-Tarhīb* adalah penyampaian berita peringatan dan ancaman azab Allah apabila meninggalkan perintah Allah, atau melakukan pekerjaan yang dilarang agama, seperti perbuatan maksiat, berjudi, mencuri, mengumpat dan permusuhan atau pertikaian.

¹² A.Hasjmy, *Dustur Dakwah Menurut Al-Quran*, Bulan Bintang, Jakarta, 1975, h. 51.

¹³ Al-Baqi, *op.cit*, h. 151-152.

¹⁴ *Ibid.*, h. 864.

Dakwah Islamiah yang berisikan mengajak umat manusia kepada jalan kebaikan dan berbuat yang makruf serta mencegah yang mungkar, ini berarti bahawa menjalankan kebajikan yang terdiri dari beribadat kepada Allah dan beramal salih berakhlak mulia, merupakan perbuatan amar makruf yang sangat disukai atau digemari dalam Islam inilah disebut dengan *al-Targhīb*, manakala nahi mungkar atau perbuatan-perbuatan yang dilarang dan berdosa, seperti berjudi, mencuri, memfitnah, membunuh, minuman beralkohol dan segala perbuatan maksiat termasuk dalam kategori nahi mungkar. Kerana itu dengan penyampaian *al-Targhīb wa al-Tarhīb* dapat memberi pelajaran kepada umat sebagai pedoman hidup sepanjang masa.

Tugas ini adalah amanah yang menjadi warisan para nabi yang perlu dipikulkan oleh setiap kaum Muslimin, supaya melaksanakan dan mendakwahkan kepada masyarakat tentang kewajipan melakukan amar makruf nahi mungkar sebagai inti dari seruan dakwah Islamiah dan merupakan asas utama dari ajaran Islam. Ibnu Taimiyah menyatakan bahawa *al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahi 'an al-Munkar* adalah segala sesuatu yang dengannya Allah menurunkan kitab-kitab-Nya dan mengutus para rasul-Nya. *al-Amr bi al-ma'ruf wa al-nahi an-mungkar* juga suatu aktiviti menyuruh orang lain untuk mengerjakan yang baik dan mencegah yang mungkar, sama ada melalui lisan mahupun kekuasaan serta perilaku yang dapat mendorong umat manusia untuk melaksanakan perintah dan meninggalkan larangan Allah.¹⁵

Imam al-Ghazali menyebutkan: Ketahuilah bahawa *al-Amr bi al-ma'ruf wa al-nahi an-munkar* (menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran) itu adalah puncak

¹⁵ Imam Ibn al-Taimiyah, *al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahi an al-Munkar*, Imam Ibn Taimiyah, Kuwait, 1995, h. 5.

yang tertinggi dalam agama, dan itu pulalah yang merupakan kepentingan yang utama sekali yang kerananya Allah mengutus sekalian nabi dan rasul.¹⁶

Andai kata sahaja *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahi an-munkar* itu dilengahkan dan dilalaikan, sama ada secara ilmiah mahupun amaliahnya, nescaya kesesatan akan merata luas dan kebodohan akan tersebar di mana-mana, negeri akan hancur dan rosak binasa ketenteraman dan keamanan hilang, musnah dan seluruh hamba Allah di bumi ini akan kacau balau.¹⁷

Berdasarkan keterangan di atas bahawa amar makruh nahi mungkar atau menyuruh orang berbuat baik dan mencegah perbuatan mungkar dan dosa adalah suatu amanah yang meliputi tanggung jawab setiap Muslim untuk disebarkan kepada seluruh umat manusia. Terdapat persamaan antara amar makruh nahi mungkar dengan *al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Walau terdapat persamaan, namun di sana juga terdapat perbezaan keonsep. Amar makruh nahi mungkar itu lebih berkesan pada perintah dan larangan, sedangkan pada *al-Targhīb wa al-Tarhīb* bersifat rangsangan dan ancaman. Amar dan nahi atau perintah dan larangan itu terdapat unsur kekukuhan dan ketegasan, manakala *al-Targhīb wa al-Tarhīb* bersifat rangsangan dan motivasi.

Amar makruh nahi mungkar dan konsep *al-Targhīb wa al-Tarhīb* telah menjadi asas dan matlamat kepada agama Islam dan kehidupan seorang Muslim. Dengan kata lain Islam mempunyai matlamat yang khusus sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh para Nabi dan rasul dengan hanya satu matlamat umum sebagaimana yang difirmankan Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Surah al-Anbiya' [21]: 107

¹⁶ Imam al-Gazali, *Amar Ma'ruf Nahi Munkar*, Terjemahan Iman Abu Ahmad, Pustaka Amani, Jakarta, 1974, h. 100

¹⁷ *Ibid.*

Di dalam usaha untuk menyampaikan rahmat ini. Di sinilah pesan penting seseorang itu memahami konsep *al-Targhīb wa al-Tarhīb*, hubung kait dengan matlamat agama seruan yang terakhir ini. Dalam istilah para fukaha di sebut *al-maqasid*. Di dalam amar makruf nahi mungkar terdapat rahmat, dan di dalam *al-Targhīb wa al-Tarhīb* lebih terdapat lagi unsur rahmat, kerana motivasi dan rangsangan lebih menyentuh di hati daripada perintah dan larangan.

2.1.3. Hubungan *al-Targhīb wa al-Tarhīb* dengan *Maqasid Shariyah*

Agama Islam adalah salah satu agama samawi yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk disampaikan kepada umat manusia di bumi ini dan merupakan suatu rahmat, sebagaimana dijelaskan Allah dalam al-Qur'an Surah al-Anbiya' [21]: 107 yang baru sahaja dikutip di atas.

Abu Zahrah menyatakan, syariat Islam memfokuskan hukum-hukum kepada tiga aspek iaitu:

Pertama, untuk memperbaiki peribadi-peribadi manusia agar dapat menjadi sumber kebaikan bagi masyarakat, dan tidak menjadi sumber kejahatan dan kerosakan bagi mereka. Perbaikan tersebut dengan cara mensyariatkan beberapa macam ibadah. Pelaksanaan ibadah itu dimaksudkan untuk membersihkan kotoran yang mengendap dalam hati manusia.

Kedua, menegakkan keadilan dalam masyarakat Islam. Keadilan yang dikehendaki Islam itu meliputi keadilan antara sesama umat Islam dan keadilan dalam hubungan umat Islam dengan non Muslim. Keadilan itu merupakan tujuan tertinggi dalam syariat Islam dan senantiasa menjadi fokus perhatian utama dalam beberapa hal, sama ada dalam bidang hukum jenayah, keperdataan dan status perseorangan perdagangan dan

bisnis, hubungan antar bangsa, hukum acara dalam peradilan, dan berbagai bidang kehidupan sosial lainnya.

Ketiga, ada sasaran yang pasti dalam hukum Islam, yaitu kemaslahatan. Tidak ada sesuatu hal yang disyariatkan Islam melalui al-Qur'an dan al-Sunnah, melainkan di dalamnya terdapat kemaslahatan yang hakiki, yang menjadi sasaran dari syariat itu, walaupun terkadang sasaran tersebut tidak tertangkap oleh orang yang dikuasai hawa nafsu.¹⁸

Maqasid merupakan bentuk jamak daripada *maqsad* yang berasal dari akar kata *qasada* yang berarti menghendaki atau memaksudkan. *Maqasid* berarti hal-hal yang dikehendaki dan dimaksudkan. Sedangkan menurut istilah dalam Ushul Fiqh *al-maqasid Shariyah* yaitu berbagai tujuan dan sasaran yang menjadi perhatian syara' dan ingin diwujudkan dalam keseluruhan hukum-hukumnya, dan berbagai rahsia yang ditetapkan oleh Allah sebagai pembuat syariat tersebut, boleh dilihat pada tiap-tiap hukumnya.¹⁹

Pembahagian *Maqsid Shariyyah* menurut al-Shatibi ada tiga bahagian iaitu: pertama, *daruriyyah* bererti sesuatu yang amat perlu, yang tidak dapat dihindari keperluannya, sehingga merupakan sesuatu yang mesti ada agar tujuan yang dimaksudkan berhasil. Manakala kemaslahatan *daruriyyah* sesuatu yang harus ada untuk mewujudkan kemaslahatan kehidupan keagamaan dan keduniaan manusia yang diinginkan. Jika sesuatu tersebut tidak ada, maka kemaslahatan manusia di dunia tidak berjalan dengan baik dan berkesinambungan, akan menimbulkan kerosakan-kerosakan di atas dunia ini, dan di akhirat nanti manusia tidak akan memperoleh kesenangan dan kenikmatan yang abadi di syurga, bahkan manusia akan menerima seksa dan azab di neraka. Kemaslahatan

¹⁸ Abu Zahrah Muhammad, *Ushul Fiqh*, Dar al-Fikri al-'Arabi, Terjemahan De A. Qorib, Jakarta, 1958, h. 364.

¹⁹ Wahbah al-Zuhaili *Ushul al-Fiqh al-Islam*, Jilid II, Dar al-Fikri, Bayrut, 1978, h. 1017.

dururiyyah ini meliputi pemeliharaan lima hal, iaitu, agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

Kedua, kemaslahatan *hajiyyah* iaitu hal-hal yang diperlukan akan tetapi tidak sampai kepada peringkat yang primer dan mendesak. Dengan demikian kemaslahatan *hajiyyah* adalah segala sesuatu yang diperlukan manusia untuk memudahkan mereka dan menghilangkan kesulitan yang memberati mereka melebihi beban yang sewajarnya dan sanggup dipikulnya. Manakala hal tersebut tidak terpenuhi tidak sampai berakibat fatal, berupa rosaknya tatanan kehidupan mereka, akan tetapi mereka akan menanggung risiko kesulitan yang berat, namun tidak seberat kemaslahatan *dururiyyah*. Sebagai contoh dalam ibadat solat syarat Islam menetapkan boleh mengqosarkan solat Asar dan Zuhur dari empat rakaat menjadi dua rakaat (disebut dengan rukhsah) bagi orang musafir, demikian juga ibadah puasa wajib, boleh berbuka bagi orang musafir (perantauan), dan berbuka puasa bagi wanita yang datang haid dan nifas. Boleh solat sambil duduk bagi orang yang sakit, atau bertayamum bagi orang yang sakit jika menggunakan air atau tidak menemukan air untuk berwuduk', serta berbagai keringanan hukum lainnya yang ditimbulkan oleh adanya beban yang, berat melebihi kadar yang wajar dan biasa. Dalam kaedah usul dikatakan

المَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيرَ

Maksudnya: Kesulitan menarik keringanan hukum (rukhsah).

Dalam bidang muamalat Allah membolehkan jual-beli atau dagang, sewa menyewa, persyarikatan (perkongsian). Dalam bidang hukum pembunuhan, Allah memberikan hak kepada wali untuk memberikan pengampunan dari hukum dan ke ikut sertakan keluarga dalam membayar *diat* (denda) dan lainnya.

Ketiga, kemaslahatan *tahsiniyyah*, bererti hal-hal yang dianggap baik. Kemaslahatan yang dituntut oleh sikap keperwiraan atau kekesateriaan, kebiasaan yang

baik, atau berakhlak yang mulia, yang jika tidak terpenuhi tidak berakibat fatal berupa rosaknya tatanan kehidupan, dan tidak pula menimbulkan kesulitan yang berarti. Akan tetapi dalam pandangan orang berakal hal tersebut dinilai negatif. Contoh dalam, bidang adat Allah menyuruh berpakaian yang sesuai dengan ajaran Islam, makan dan minum menurut aturan Islam dan bertingkah laku sopan dan mulia.²⁰

Hubungan *Maqashid Shar'iyah* dengan *al-Targhīb wa al-Tarhīb* adalah bagaimana supaya *maqashid shar'iyah* ini dapat diwujudkan dan diaplikasikan dalam kehidupan umat manusia dan khususnya umat Islam untuk mencapai kecemerlangan di dunia dan kecemerlangan di hari akhirat nanti. Sebaliknya apabila umat manusia tidak dapat mengamalkan dan mengaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari akan memperoleh azab dan seksaan Allah, sama ada di dunia mahupun di akhirat nanti dimasukkan ke dalam neraka.

2.1.4. Hubungan *al-Targhīb wa al-Tarhīb* dengan Dakwah

Dakwah adalah usaha dan kegiatan nabi dan ulama serta para pendakwah untuk menyampaikan ajaran Islam yang terkandung dalam wahyu Ilahi (al-Qur'an) dan ucapan nabi serta seluruh perilaku kehidupannya (al-Hadith) kepada seluruh umat manusia. Dengan kata lain dakwah adalah ajaran Islam secara kompleks meliputi akidah Islamiah, syariah, muamalat dan sosial serta budi pekerti mulia.²¹

Sedangkan *al-Targhīb wa al-Tarhīb* adalah hadith-hadith Nabi yang berisikan berita-berita gembira (rangsangan-motivasi) dan berita-berita ancaman (peringatan, seksa) disampaikan atau didakwahkan kepada umat manusia supaya mereka gemar melakukan kebajikan seperti ibadat kepada Allah, bermu'amalah dan memiliki akhlak yang baik,

²⁰ Abu Ishaq al-Shatibi, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*, Beyrut, Dar al-Ma'rifat, 1975, h. 100

²¹ Abdul Karim Zaidan, *Ushul al-Dakwah*, Terjemahan, Asmadi Syujur, Media Dakwah, Jakarta, 1998, h. 72

demikian juga disampaikan atau didakwahkan kepada manusia supaya menjauhkan segala larangan Allah, seperti perbuatan maksiat, perjudian, perzinaan, penipuan, dan mencuri, kerana perbuatan tersebut mendapat seksa dan azab dari Allah.

Salah satu bentuk *al-Targhīb wa al-Tarhīb* yang dibicarakan dalam al-Qur'an adalah menceritakan tentang syurga dan neraka. Al-Qur'an menceritakan tentang syurga sebagai balasan orang yang gemar melakukan pekerjaan yang baik, dan neraka disediakan bagi orang yang melanggar perintah Allah dan ia akan diseksa.

Dengan demikian *al-Targhīb wa al-Tarhīb* adalah erat sekali hubungannya dengan dakwah, kerana *al-Targhīb wa al-Tarhīb* merupakan hadith-hadith Rasul yang berintikan akidah, ibadah, muamalat dan moral sangat penting dan harus disampaikan kepada seluruh umat manusia untuk menjadi pedoman hidup sepanjang masa. Dan untuk memperbaiki perilaku masing-masing manusia secara fardiyah dan secara universal (am) supaya mereka mengamalkan dalam kehidupan sehari-hari untuk mencapai kecemerlangan di dunia dan kecemerlangan di hari akhirat kelak.

2.2. CIRI-CIRI DAN KAEDAH AL-TARGHĪB DAN AL-TARHĪB

2.2.1. Ciri-Ciri *al-Targhīb wa al-Tarhīb*

Al-Tarhīb adalah *uslub* dakwah yang berasal dari hadith-hadith Nabi yang berisi berita-berita peringatan atau ancaman/seksa. Sama ada dalam al-Qur'an seperti kalimat *Indhar. al-mindhirin* adalah orang yang memberi peringatan kepada orang-orang kafir sebagai mana disebutkan dalam ayat al-Qur'an:

فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ تَخَالَفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya, Oleh itu, hendaklah mereka yang mengingkari perintahnya, beringat serta berjaga-jaga jangan mereka ditimpa bala bencana, atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Surah al-Nur [24]: 63